

# Gegaran gempa dijangka berterusan

**KUALA LUMPUR** - Gegaran susulan dijangka berterusan untuk beberapa hari lagi ekoran gempa bumi berskala 7.6 Richter yang berlaku di Padang, Sumatera Barat kelmarin.

Bagaimanapun, orang ramai dinasihatkan agar tidak bimbang kerana kekuatan gempa bumi susulan yang berlaku semalam dan beberapa hari akan datang dijangka semakin lemah,

menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM).

Sejak kelmarin, agensi itu melaporkan berlaku lapan gegaran susulan yang direkodkan berskala 4.5 hingga 6.8 Richter.

Satu daripadanya sekuat 6.8 skala Richter yang turut dirasai di Semenanjung pada pukul 9.53 pagi semalam iaitu di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

"JMM akan sentiasa memantau dan akan memaklumkan sebarang perkembangan kejadian gempa bumi kuat yang berlaku serta mengeluarkan amaran sekiranya berlaku ancaman tsunami kepada Malaysia," katanya.

Menurut JMM, gempa bumi yang menyebabkan ramai terkorban dan kemusnahan yang teruk di Padang telah menyebabkan kejadian tsunami kecil setinggi 0.27m sekitar Padang tetapi ia tidak mengancam Malaysia.

Sementara itu di Johor Bahru, warga bandar raya itu dikejutkan dengan satu lagi gegaran semalam.

Gegaran pada pukul 9.52 pagi itu menyebabkan beratus-ratus pekerja dan orang ramai yang berurusan di bangunan tinggi bergegas turun menyelamatkan diri.

Seorang pekerja Damansara Asset di Kompleks Tun Razak, Maliza Mat, 27, berkata, dia pening sejurus selepas gegaran itu.

"Bila terasa gegaran, saya te-



## Info Talian penting

### Bilik Operasi

- Wisma Putra di talian 03-88874570
- Kedutaan Malaysia di Jakarta di 00-6221-5224947 atau 00-6221-5224971

rus turun ke bawah kerana bimbang dengan keadaan itu. Sampai di bawah, kepala saya rasa pening mungkin disebabkan gegaran itu," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Larkin mengesahkan pihaknya menerima lebih 15 laporan kawasan yang terjejas akibat gem-

pa bumi.

Antara kawasan yang mengalami gegaran di sekitar bandar raya Johor Bahru ialah Hotel Selesa, Wisma Landmark, Menara Public, Kompleks Tun Abdul Razak, Menara Ansar, Bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Plaza Pelangi dan bangunan-bangunan sekitar Jalan Abdullah Tahir.



SEBAHAGIAN daripada pekerja di bangunan tinggi yang menyelamatkan diri ekoran gegaran di Kompleks Tun Razak, Johor Bahru semalam.



### LINGKARAN API PASIFIK

Kawasan yang aktif dengan gempa bumi dikenali sebagai Zon Subtuksi (warna merah) iaitu kawasan plat lautan menyusup masuk ke bawah plat bumi sehingga kawasan tersebut membentuk sebuah parit yang besar.

KAWASAN-KAWASAN dunia yang terdedah kepada risiko gempa bumi.